



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK

PAR-JKSPk-05

POLISI KETEKUNAN WAJAR

Disediakan Oleh:

.....
**YA Tuan Mohd Ridzuan bin
Yusof**

Pegawai Integriti

**Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Perak**

Tarikh: 03/06/2025

Diluluskan Oleh:

.....
**YAA Dato' Ab Rahman
Thobroni bin Mohd Mansor**

Ketua Hakim Syarie

**Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Perak**

Tarikh: 03/06/2025

1. PENGENALAN

- 1.1 Ketekunan wajar merupakan proses semakan latar belakang individu atau syarikat daripada pelbagai aspek sebelum sesuatu keputusan atau pemilihan dibuat.

2. PELAKSANAAN

1.2 Lantikan Pegawai

Proses lantikan pegawai adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak / Jabatan Perkhidmatan Awam. Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011, "Tapisan Keselamatan" bermaksud proses memeriksa latar belakang pegawai (gred 29 dan ke atas) oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia bagi memastikan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam bebas dan bersih daripada anasir subversif, espionaj dan sabotaj. JKSPk akan memastikan pegawai mengemukakan permohonan tapisan keselamatan kepada Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam tempoh 30 hari mulai tarikh melaporkan diri bertugas.

1.3 Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

Proses Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat diuruskan oleh PSUKPk. Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010, untuk tujuan pelaksanaan ketekunan wajar berkaitan syarat-syarat Pemangkuan / Kenaikan Pangkat, JKSPk akan menyediakan maklumat-maklumat yang berkenaan seperti berikut kepada pihak PSUKPk apabila diperlukan:

- a) Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT);
- b) Maklumat Tatatertib;
- c) Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- d) Surat Akuan Pinjaman Pendidikan.

1.4 Lantikan Pembekal/ Kontraktor

Untuk memastikan pembekal dan kontraktor yang dilantik melalui Perolehan Sebut Harga Jabatan yang melebihi RM50,000.00 adalah benar-benar berwibawa dan bebas daripada elemen rasuah, semakan latar belakang pemilik syarikat seperti data pesalah rasuah melalui laman sesawang **www.sprm.gov.my** perlu dilaporkan oleh Urusetia Jawatankuasa Sebut harga Jabatan untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut harga Jabatan.